29 Ogos 2018
29 August 2018
P.U. (A) 214

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 2018

SERVICE TAX REGULATIONS 2018

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 2018

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Peraturan
1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II
ORANG KENA CUKAI, PERKHIDMATAN BERCUKAI, DSB.

3. Orang kena cukai, perkhidmatan bercukai dan dan nilai perkhidmatan bercukai
4. Orang yang berkaitan dengan orang kena cukai

BAHAGIAN III
PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN PERTARUHAN DAN PERJUDIAN

5. Nilai perkhidmatan pertaruhan dan perjudian
6. Bila cukai perkhidmatan genap masa dan kena dibayar

BAHAGIAN IV
PENDAFTARAN

7. Permohonan untuk pendaftaran
8. Pemberitahuan pendaftaran
9. Pemberitahuan mengenai perubahan butir-butir orang berdaftar

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN V
INVOIS, NOTA KREDIT DAN NOTA DEBIT

10. Kandungan invois
11. Pengeluaran nota kredit dan nota debit

BAHAGIAN VI
PENYATA

12. Cara mengemukakan penyata
13. Cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan cukai yang diberikan secara percuma
14. Pengemukaan penyata
15. Pembetulan kesilapan

BAHAGIAN VII
PEMBAYARAN CUKAI PERKHIDMATAN, DSB.

16. Pembayaran cukai perkhidmatan, dsb.
17. Pembayaran cukai perkhidmatan atau penalti secara ansuran

BAHAGIAN VIII
PEMBAYARAN BALIK DAN PEMBAYARAN SEMULA

18. Cara menuntut pembayaran balik di bawah perenggan 38(1)*(a)*, atau subseksyen 34(6) atau 40(3), Akta
19. Cara menuntut pembayaran balik cukai perkhidmatan berhubung dengan hutang lapuk
20. Cara membuat pembayaran semula berhubung dengan hutang lapuk

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN IX
PERKHIDMATAN ELEKTRONIK

21. Tafsiran
22. Penggunaan perkhidmatan elektronik
23. Cara menggunakan perkhidmatan elektronik
24. Penamatan penyediaan perkhidmatan elektronik kepada pengguna berdaftar

BAHAGIAN X
PERKARA PELBAGAI

25. Permohonan bagi kajian semula
26. Penalti am
27. Pejabat pentadbiran cukai perkhidmatan
28. Waktu pejabat dan waktu pembayaran
29. Borang

JADUAL PERTAMA
JADUAL KEDUA
JADUAL KETIGA

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 91 Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [*Akta 807*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2018.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

"Borang JKDM No. 2" ertinya borang yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kastam 1977 [*P.U. (A) 162/1977*];

"Pusat Pemprosesan Kastam" ertinya pejabat Kastam yang ditetapkan bagi maksud menerima penyata dan pembayaran cukai perkhidmatan, penalti, surcaj dan apa-apa wang lain yang kena dibayar di bawah Akta.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN II

ORANG KENA CUKAI, PERKHIDMATAN BERCUKAI, DSB.

Orang kena cukai, perkhidmatan bercukai dan jumlah nilai perkhidmatan bercukai

3. Orang kena cukai, perkhidmatan bercukai dan jumlah nilai perkhidmatan bercukai hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Orang yang berkaitan dengan orang kena cukai

4. (1) Bagi maksud seksyen 9 Akta, seseorang adalah berkaitan dengan orang kena cukai apabila—

(a) mereka ialah pegawai atau pengarah bagi perniagaan satu sama lain;

(b) mereka diiktiraf secara sah sebagai pekongsi dalam perniagaan;

(c) salah seorang secara langsung atau secara tidak langsung mempunyai, mengawal atau memegang lima peratus atau lebih saham atau syer pengundian diterbitkan bagi kedua-dua mereka;

(d) salah seorang daripada mereka secara langsung atau secara tidak langsung mengawal seorang yang satu lagi;

(e) kedua-dua mereka secara langsung atau secara tidak langsung dikawal oleh orang ketiga;

(f) mereka bersama-sama secara langsung atau secara tidak langsung mengawal orang ketiga;

(g) mereka ialah anggota dalam keluarga yang sama; atau

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(h) dia ialah seorang pemegang amanah dalam suatu penyelesaian.

(2) Bagi maksud perenggan (1)*(g)*, seseorang adalah berkaitan dengan orang kena cukai adalah merupakan anggota keluarga yang sama jika—

(a) mereka adalah berkaitan melalui hubungan darah dalam hubungan generasi ketiga;

(b) mereka berkahwin antara satu sama lain atau jika seseorang berkahwin dengan seseorang yang mempunyai kaitan dalam hubungan generasi ketiga dengan seorang yang satu lagi; atau

(c) seseorang telah diangkat sebagai anak kepada seorang yang lain atau sebagai seorang anak kepada seseorang yang dalam hubungan generasi kedua dengan seorang yang satu lagi.

(3) Bagi maksud perenggan (1)*(h)*, seorang pemegang amanah dalam suatu penyelesaian adalah berkaitan dengan orang kena cukai apabila—

(a) mana-mana individu yang berhubung dengan penyelesaian itu ialah seorang setlor;

(b) mana-mana orang berkaitan dengan individu itu; dan

(c) suatu pertubuhan perbadanan berkaitan dengan penyelesaian itu.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN PERTARUHAN DAN PERJUDIAN

Nilai perkhidmatan pertaruhan dan perjudian

5. (1) Jika suatu pemberian perkhidmatan bercukai dibuat oleh seseorang yang dilesenkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pertaruhan, ambil tagan, loteri, mesin perjudian atau permainan mengadu nasib (selepas ini disebut sebagai "penyedia perjudian"), nilai perkhidmatan bercukai itu hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$\frac{100}{100 + C} \times (A-B)$$

iaitu A ialah jumlah amaun yang diterima bagi perkhidmatan bercukai, sama ada dalam bentuk wang, cip, kupon atau apa-apa bentuk lain dan termasuklah cip percuma atau kupon percuma, tolak apa-apa cukai atau duti di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain kecuali duti eksais;

B ialah jumlah amaun wang, jika ada, yang kena dibayar kepada mana-mana orang yang terlibat yang berjaya dalam pertaruhan, ambil tagan, loteri, mesin perjudian atau permainan mengadu nasib; dan

C ialah kadar cukai perkhidmatan yang ditetapkan di bawah seksyen 10 Akta.

(2) Jika nilai perkhidmatan bercukai yang ditentukan di bawah subperaturan (1) ialah negatif, nilai itu hendaklah dianggap sebagai kosong.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(3) Jika pemberian perkhidmatan bercukai dibuat oleh penyedia perjudian—

(a) berkenaan dengan apa-apa perlawanan pertaruhan dan perjudian; atau

(b) berhubung dengan pengendalian atau kebenaran untuk mengendalikan perlawanan kad atau apa-apa perlawanan lain,

nilai perkhidmatan bercukai hendaklah ditentukan mengikut perenggan 9(1)*(b)* Akta.

Bila cukai perkhidmatan genap masa dan kena dibayar

6. (1) Cukai perkhidmatan berkenaan dengan pertaruhan dan perjudian yang dinyatakan dalam ruang (2) Kumpulan F Jadual Pertama hendaklah genap masa dan kena dibayar pada masa yang berikut:

(a) berhubung dengan ramalan nombor, loteri dan permainan mengadu nasib selain melalui mesin perjudian, pada masa nombor itu dicabut;

(b) berhubung dengan ambil tagan, pada masa perlumbaan diadakan;

(c) berhubung dengan permainan mengadu nasib melalui mesin perjudian, pada masa pungutan dikeluarkan dari mesin itu atau pada masa transaksi direkodkan oleh mesin itu; atau

(d) berhubung dengan pertaruhan kasino, pada hari terakhir tempoh bercukai perkhidmatan bercukai itu berlaku.

(2) Cukai perkhidmatan berkenaan dengan pertaruhan dan perjudian yang dinyatakan dalam ruang (2) Kumpulan F Jadual Pertama selain yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah genap masa dan kena dibayar mengikut seksyen 11 Akta.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN IV

PENDAFTARAN

Permohonan untuk pendaftaran

7. (1) Mana-mana orang—

(a) yang bertanggungan untuk berdaftar di bawah seksyen 13 Akta; atau

(b) yang secara sukarela memohon untuk didaftarkan di bawah seksyen 14 Akta,

hendaklah memohon dalam Borang SST-01.

(2) Jika mana-mana perniagaan orang berdaftar dijalankan oleh satu atau lebih cawangan atau bahagian, orang berdaftar itu boleh memohon dalam Borang SST-01 bagi mana-mana cawangan atau bahagian itu untuk didaftarkan atas nama cawangan atau bahagian itu.

(3) Tiap-tiap permohonan bagi pendaftaran di bawah subperaturan (1) dan (2) hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah melalui perkhidmatan elektronik.

Pemberitahuan pendaftaran

8. Mana-mana orang yang diluluskan bagi pendaftaran hendaklah diberitahu secara bertulis dan diberikan dengan suatu nombor pengenalan.

Pemberitahuan mengenai perubahan butir-butir orang berdaftar

9. (1) Mana-mana orang berdaftar hendaklah dengan serta-merta memberitahu pegawai kanan cukai perkhidmatan secara bertulis apabila—

(a) terdapat apa-apa perubahan pada nama perniagaan;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(b) terdapat apa-apa perubahan pada alamat mana-mana tempat perniagaan;

(c) terdapat apa-apa perubahan pada pekongsi dalam perkongsian;

(d) terdapat apa-apa perubahan pada status perniagaan;

(e) dia memberikan perkhidmatan bercukai lain sebagai tambahan kepada perkhidmatan bercukai yang dia telah didaftarkan; atau

(f) dia membuka tempat perniagaan baharu atau menutup mana-mana tempat perniagaan.

(2) Pegawai kanan cukai perkhidmatan hendaklah merekodkan perubahan yang diberitahu itu.

(3) Mana-mana orang berdaftar yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN V

INVOIS, NOTA KREDIT DAN NOTA DEBIT

Kandungan invois

10. (1) Orang berdaftar yang mengeluarkan suatu invois hendaklah menyatakan ke atasnya butir-butir yang berikut:

(a) nombor siri invois;

(b) tarikh invois;

(c) nama, alamat dan nombor pengenalan orang berdaftar;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(d) suatu perihalan yang mencukupi untuk mengenal pasti perkhidmatan bercukai yang diberikan;

(e) apa-apa diskaun yang ditawarkan;

(f) jumlah amaun yang kena dibayar tidak termasuk cukai perkhidmatan, kadar cukai perkhidmatan dan jumlah cukai perkhidmatan yang dikenakan ditunjukkan sebagai suatu amaun yang berasingan;

(g) jumlah amaun yang kena dibayar termasuk jumlah cukai perkhidmatan yang dikenakan; dan

(h) apa-apa jumlah yang dinyatakan dalam suatu mata wang selain ringgit hendaklah juga dinyatakan dalam ringgit pada kadar pertukaran jualan yang dipakai di Malaysia pada masa bila perkhidmatan bercukai itu diberikan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Ketua Pengarah boleh, atas permintaan secara bertulis oleh mana-mana orang berdaftar dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah, membenarkan mana-mana butir yang dinyatakan di bawah subperaturan (1) untuk tidak dinyatakan dalam suatu invois yang dikeluarkan oleh orang berdaftar itu.

Pengeluaran nota kredit dan nota debit

11. (1) Seseorang yang memberikan apa-apa perkhidmatan bercukai hendaklah mengeluarkan suatu nota kredit atau nota debit jika, selepas penyata bagi perkhidmatan bercukai itu telah dikemukakan kepada Ketua Pengarah, terdapat pengurangan, atau tambahan kepada, amaun cukai perkhidmatan yang telah dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai itu—

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(a) disebabkan perubahan pada kadar cukai perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah seksyen 10 Akta; atau

(b) disebabkan apa-apa pelarasan dalam penjalanan perniagaan.

(2) Jika terdapat pengurangan, atau tambahan kepada, amaun cukai perkhidmatan di bawah subperaturan (1)—

(a) orang yang memberikan perkhidmatan bercukai hendaklah membuat pengurangan atau penambahan cukai perkhidmatan dalam penyata bagi tempoh bercukai yang nota kredit atau nota debit itu dikeluarkan atau diterima; atau

(b) dalam hal orang yang telah berhenti menjadi orang kena cukai, orang itu hendaklah membuat pengurangan atau penambahan cukai perkhidmatan dalam penyata bagi tempoh bercukai terakhir yang dalam tempoh tersebut dia berdaftar.

(3) Nota kredit atau nota debit yang dikeluarkan hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

(a) perkataan "nota kredit" atau “nota debit” di tempat yang mudah dilihat;

(b) nombor siri nota kredit atau nota debit;

(c) tarikh nota kredit atau nota debit dikeluarkan;

(d) nama, alamat dan nombor pengenalan orang berdaftar;

(e) sebab nota kredit atau nota debit dikeluarkan;

Copyright of the Attorney General’s Chambers of Malaysia

(f) suatu perihalan yang mencukupi untuk mengenal pasti perkhidmatan bercukai;

(g) kuantiti dan amaun bagi setiap perkhidmatan bercukai;

(h) jumlah amaun tidak termasuk cukai perkhidmatan;

(i) kadar dan amaun cukai perkhidmatan; dan

(j) nombor dan tarikh invois yang dikeluarkan bagi perkhidmatan bercukai.

(4) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN VI

PENYATA

Cara mengemukakan penyata

12. (1) Orang kena cukai hendaklah mengemukakan suatu penyata bagi setiap tempoh bercukai sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 26 Akta dalam Borang SST-02.

(2) Semua butir yang dikehendaki dalam Borang SST-02 hendaklah dikemukakan oleh orang kena cukai itu dan hendaklah mengandungi suatu perakuan bahawa penyata itu adalah benar dan lengkap.

(3) Mana-mana orang kena cukai yang melanggar subperaturan (2) melakukan suatu kesalahan.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan cukai yang diberikan secara percuma

13. Jika dalam mana-mana tempoh bercukai orang kena cukai telah memberikan apa-apa perkhidmatan bercukai secara percuma, orang kena cukai itu hendaklah memasukkan butir-butir perkhidmatan bercukai itu dalam penyata yang berhubungan dengan tempoh bercukai itu dan membayar cukai perkhidmatan mengikut nilai yang ditentukan di bawah seksyen 9 Akta.

Pengemukaan penyata

14. (1) Suatu penyata yang dibuat di bawah peraturan 12 hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah melalui pos ke Pusat Pemprosesan Kastam atau melalui perkhidmatan elektronik.

(2) Suatu penyata hendaklah disifatkan telah dikemukakan—

(a) dalam hal penyerahan melalui pos, pada tarikh tanda pos; atau

(b) dalam hal perkhidmatan elektronik, apabila penyata itu telah diterima oleh Ketua Pengarah melalui perkhidmatan elektronik.

Pembetulan kesilapan

15. (1) Jika mana-mana orang kena cukai membuat suatu kesilapan dalam mana-mana penyata yang dikemukakan di bawah Akta, dia boleh membetulkan kesilapan itu secara sukarela.

(2) Pembetulan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat—

(a) dalam Borang SST-02; dan

(b) dengan apa-apa cara dan dalam apa-apa masa sebagaimana yang ditetapkan oleh pegawai kanan cukai perkhidmatan.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(3) Mana-mana orang kena cukai yang melanggar perenggan (2)*(b)* melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN VII

PEMBAYARAN CUKAI PERKHIDMATAN, DSB.

Pembayaran cukai perkhidmatan, dsb.

16. (1) Pembayaran cukai perkhidmatan berkenaan dengan apa-apa penyata di bawah seksyen 26 Akta, surcaj, penalti, fi atau apa-apa wang lain yang kena dibayar di bawah Akta hendaklah dibuat sama ada melalui cek, draf bank atau perbankan elektronik.

(2) Berhubung dengan pembayaran yang dibuat melalui cek atau draf bank, cek atau draf bank itu hendaklah dihantar kepada Pusat Pemprosesan Kastam melalui pos.

(3) Apa-apa cek atau draf bank yang dihantar melalui pos di bawah subperaturan (1) hendaklah disifatkan telah diterima pada tarikh tanda pos.

(4) Cukai perkhidmatan, surcaj, penalti, fi atau apa-apa wang lain hendaklah disifatkan telah dibayar apabila pembayaran diterima oleh Ketua Pengarah:

Dengan syarat bahawa—

(a) jika apa-apa cek atau draf bank diterima oleh Ketua Pengarah dan tidak dibayar semasa penyerahan, amaun itu hendaklah disifatkan tidak diterima walau apa pun apa-apa resit diberikan sehingga amaun itu telah dibayar sewajarnya kepada Ketua Pengarah; atau

(b) jika pembayaran dibuat melalui bank, amaun itu hendaklah disifatkan tidak diterima sehingga amaun itu dimasukkan untuk dikreditkan kepada Ketua Pengarah.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(5) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan.

Pembayaran cukai perkhidmatan atau penalti secara ansuran

17. Apa-apa pembayaran cukai perkhidmatan atau penalti secara ansuran di bawah seksyen 32 Akta boleh dibenarkan jika pembayaran cukai perkhidmatan atau penalti secara keseluruhan boleh menyebabkan kesusahan kewangan yang tidak berpatutan kepada orang berdaftar.

BAHAGIAN VIII

PEMBAYARAN BALIK DAN PEMBAYARAN SEMULA

Cara menuntut pembayaran balik di bawah perenggan 38(1)*(a)*, atau subseksyen 34(6) atau 40(3), Akta

18. (1) Suatu permohonan bagi pembayaran balik di bawah perenggan 38(1)*(a)*, atau subseksyen 34(6) atau 40(3), Akta hendaklah dibuat dalam Borang JKDM No. 2.

(2) Suatu permohonan yang berasingan hendaklah dibuat berkenaan dengan setiap tuntutan yang pembayaran balik dituntut.

(3) Ketua Pengarah boleh menghendaki orang yang membuat tuntutan di bawah subperaturan (1) untuk mengemukakan dokumen dan maklumat bagi maksud mengesahkan tuntutan itu.

Cara menuntut pembayaran balik cukai perkhidmatan berhubung dengan hutang lapuk

19. (1) Suatu permohonan bagi pembayaran balik cukai perkhidmatan berhubung dengan hutang lapuk di bawah seksyen 35 Akta hendaklah dibuat dalam Borang JKDM No. 2 berserta dokumen yang berikut:

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(a) suatu salinan invois yang dikeluarkan di bawah seksyen 21 Akta;

(b) Borang SST-02 dan apa-apa dokumen lain yang menunjukkan orang itu telah mengakaunkan dan membayar cukai perkhidmatan itu;

(c) rekod atau apa-apa dokumen lain yang menunjukkan pembayaran berkenaan dengan pemberian perkhidmatan bercukai telah tidak diterima;

(d) rekod atau apa-apa dokumen lain yang menunjukkan segala usaha yang munasabah telah diambil oleh orang itu untuk mendapatkan balik pembayaran berkenaan dengan pemberian perkhidmatan bercukai itu; dan

(e) rekod atau apa-apa dokumen lain yang menunjukkan pembayaran berkenaan dengan pemberian perkhidmatan bercukai telah dihapus kira dalam akaun orang itu sebagai hutang lapuk.

(2) Orang yang menuntut pembayaran balik di bawah subperaturan (1) hendaklah menyimpan segala rekod dan dokumen yang berkaitan dengan tuntutan itu bagi tempoh tujuh tahun dari tarikh tuntutan itu untuk pemeriksaan pegawai cukai perkhidmatan yang hak pada bila-bila masa.

(3) Pegawai cukai perkhidmatan yang hak boleh menghendaki orang yang membuat tuntutan di bawah subperaturan (1) untuk mengemukakan apa-apa dokuman atau maklumat bagi maksud mengesahkan tuntutan itu.

(4) Ketua Pengarah boleh tidak membenarkan apa-apa pembayaran balik—

(a) jika rekod atau dokumen yang dikemukakan adalah tidak benar atau tidak betul; atau

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(b) atas apa-apa sebab yang lain bagi maksud perlindungan hasil.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan.

Cara membuat pembayaran semula berhubung dengan hutang lapuk

20. (1) Apabila seseorang membuat suatu pembayaran semula berhubung dengan hutang lapuk di bawah seksyen 36 Akta, dia hendaklah berbuat demikian—

(a) dalam hal orang kena cukai, dengan memasukkan amaun yang kena dibayar semula kepada Ketua Pengarah dalam penyatanya dalam tempoh bercukai yang dia menerima pembayaran cukai perkhidmatan daripada pelanggan; dan

(b) dalam hal seseorang yang telah berhenti menjadi orang kena cukai, dengan memasukkan amaun yang kena dibayar semula kepada Ketua Pengarah dalam dalam penyatanya dalam tempoh bercukai terakhir yang dia berdaftar.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN IX

PERKHIDMATAN ELEKTRONIK

Tafsiran

21. Dalam Bahagian ini, “kod pengesahan” ertinya suatu kod pengenalan atau pengenalpastian, kata laluan atau apa-apa kaedah atau prosedur pengesahan yang diberikan oleh Ketua Pengarah kepada mana-mana orang bagi maksud mengenal pasti dan mengesahkan akses kepada dan penggunaan perkhidmatan elektronik oleh orang itu.

Copyright of the Attorney General’s Chambers of Malaysia

Penggunaan perkhidmatan elektronik

22. (1) Ketua Pengarah boleh memberikan kepada mana-mana orang—

(a) suatu kod pengesahan; dan

(b) suatu akaun dengan perkhidmatan elektronik,

untuk menggunakan perkhidmatan elektronik yang disediakan di bawah seksyen 87 Akta tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana orang yang diberikan oleh Ketua Pengarah suatu kod pengesahan di bawah subperaturan (1) hendaklah menjadi seorang pengguna berdaftar dan dia—

(a) hendaklah mengaku terima penerimaan kod pengesahan itu;

(b) hendaklah memastikan kod pengesahannya dirahsiakan; dan

(c) tidak boleh mendedahkan kod pengesahannya kepada mana-mana orang yang tidak diberi kuasa.

(3) Suatu notis elektronik yang dibuat dan dihantar di bawah Akta oleh seorang pengguna berdaftar hendaklah disifatkan telah memenuhi kehendak bagi pemfailan, pengemukaan atau penyerahan jika notis itu dihantar kepada Ketua Pengarah dengan cara sebagaimana yang ditentukan di bawah Bahagian ini.

Cara menggunakan perkhidmatan elektronik

23. (1) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai cukai perkhidmatan yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah boleh menyampaikan apa-apa notis kepada seorang pengguna berdaftar dengan menghantar notis itu kepada akaun perkhidmatan elektronik pengguna

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

berdaftar itu.

(2) Jika suatu dokumen yang dikehendaki untuk dicap, ditandatangani atau dimeterai di bawah Akta difailkan, dikemukakan atau dihantar secara elektronik melalui perkhidmatan elektronik, kehendak bagi pengakusaksian cap, tandatangan atau meterai itu adalah tidak terpakai.

(3) Mana-mana orang yang diberi kuasa oleh seorang pengguna berdaftar boleh membuat dan menghantar apa-apa notis elektronik bagi pihak pengguna berdaftar itu melalui perkhidmatan elektronik.

(4) Jika apa-apa notis elektronik dibuat dan dihantar bagi pihak mana-mana pengguna berdaftar di bawah subperaturan (3), notis itu hendaklah disifatkan telah dibuat dan dihantar dengan kuasa pengguna berdaftar itu dan pengguna berdaftar itu hendaklah disifatkan sebagai mempunyai pengetahuan tentang semua perkara di dalamnya.

(5) Jika suatu notis elektronik dihantar kepada Ketua Pengarah dengan menggunakan kod pengesahan yang diberikan kepada seorang pengguna berdaftar—

(a) dengan atau tanpa kuasa pengguna berdaftar itu; dan

(b) sebelum pemberitahuan kepada Ketua Pengarah untuk pembatalan kod pengesahan,

notis itu hendaklah, bagi maksud Akta, dianggap telah dibuat oleh pengguna berdaftar itu melainkan jika dia boleh mengemukakan keterangan yang berlawanan.

(6) Jika suatu kesilapan dibuat dalam apa-apa notis elektronik oleh pengguna berdaftar di bawah peraturan ini, dia hendaklah membetulkannya melalui perkhidmatan elektronik dalam apa-apa masa dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang boleh dikenakan oleh Ketua Pengarah.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(7) Walau apa pun subperaturan (6), Ketua Pengarah boleh mengarahkan atau membenarkan seorang pengguna berdaftar untuk membetulkan apa-apa notis elektronik yang dibuat dan dihantar olehnya di bawah peraturan ini mengikut apa-apa cara dan dalam apa-apa masa sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

(8) Ketua Pengarah boleh, bagi maksud perkhidmatan elektronik, meluluskan penggunaan apa-apa lambang, kod, singkatan atau tatatanda untuk mewakili apa-apa butir atau maklumat yang dikehendaki di bawah Akta.

(9) Jika suatu notis elektronik dibuat dan dihantar oleh pengguna berdaftar kepada Ketua Pengarah di bawah Akta yang tidak mematuhi apa-apa kehendak Bahagian ini, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai cukai perkhidmatan yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah, boleh menyampaikan suatu notis kepada pengguna berdaftar itu yang menunjukkan ketidakpatuhan kehendak itu, dan notis elektronik itu tidak boleh disifatkan telah dibuat dan dihantar kepada Ketua Pengarah oleh pengguna berdaftar itu.

Penamatan penyediaan perkhidmatan elektronik kepada pengguna berdaftar

24. Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa melalui notis kepada pengguna berdaftar, menamatkan penyediaan perkhidmatan elektronik kepada pengguna berdaftar itu jika pengguna berdaftar itu—

(a) tidak mematuhi apa-apa terma dan syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah;

(b) melanggar apa-apa peraturan dalam Bahagian ini; atau

(c) memberitahu Ketua Pengarah untuk membatalkan kod pengesahan dan akaun perkhidmatan eletronik yang diberikan kepadanya.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN X

PERKARA PELBAGAI

Permohonan bagi kajian semula

25. Suatu permohonan bagi kajian semula yang dibuat di bawah seksyen 81 Akta hendaklah dalam Borang SST-03.

Penalti am

26. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pejabat pentadbiran cukai perkhidmatan

27. Lokasi pejabat pentadbiran cukai perkhidmatan bagi maksud cukai perkhidmatan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

Waktu pejabat dan waktu pembayaran

28. (1) Waktu biasa pejabat pentadbiran cukai perkhidmatan akan dibuka bagi perkara yang berhubungan dengan cukai perkhidmatan adalah seperti yang berikut:

(a) di Negeri Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Selangor, Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan) yang hari kelepasan mingguan ialah Sabtu dan Ahad, waktu tersebut adalah dari 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada hari Isnin hingga Jumaat; dan

(b) di Negeri Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu yang hari kelepasan mingguan ialah Jumaat dan Sabtu, waktu tersebut adalah—

(i) dari 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada hari Ahad hingga Rabu; dan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(ii) dari 8.00 pagi hingga 3.30 petang pada hari Khamis.

(2) Bagi maksud penerimaan penyata dan pembayaran cukai perkhidmatan, penalti, surcaj, fi dan wang lain melalui perkhidmatan elektronik, waktu biasa adalah dari 7.30 pagi hingga 11.30 malam pada mana-mana hari dalam minggu itu.

(3) Bagi maksud penerimaan penyata dan pembayaran cukai perkhidmatan di bawah seksyen 26 Akta, jika hari terakhir jatuh pada hari kelepasan mingguan Persekutuan atau hari kelepasan am Persekutuan, maka hari terakhir untuk menerima penyata dan pembayaran itu adalah pada hari sebaik selepas hari kelepasan mingguan Persekutuan atau hari kelepasan am Persekutuan itu.

(4) Pejabat pentadbiran cukai perkhidmatan akan ditutup—

(a) pada hari kelepasan mingguan;

(b) pada setiap hari yang ditetapkan sebagai hari kelepasan am Persekutuan; dan

(c) pada setiap hari yang ditetapkan sebagai hari kelepasan am Negeri bagi Negeri atau hari kelepasan am Wilayah Persekutuan bagi Wilayah Persekutuan yang pejabat itu terletak:

Dengan syarat jika—

(i) mana-mana dua atau semua hari yang dinyatakan dalam perenggan *(a), (b)* dan *(c)* di atas jatuh pada hari yang sama, pejabat itu akan ditutup pada hari berikutnya dan jika hari kemudian itu ialah hari yang telah dinyatakan dalam perenggan *(a), (b)* atau *(c)* di atas, pejabat itu akan ditutup pada hari yang berikutnya; dan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(ii) jika tarikh suatu hari kelepasan yang diisytiharkan di bawah Akta Hari Kelepasan 1951 [*Akta 369*] atau mana-mana undang-undang lain yang sedang berkuat kuasa yang berhubungan dengan perisytiharan hari kelepasan am adalah tertakluk kepada ubah suaian, tarikh hari kelepasan itu hendaklah, bagi maksud peraturan ini, tidak tertakluk kepada ubah suaian itu.

Borang

29. Borang dalam Jadual Ketiga ditetapkan bagi kegunaan di bawah Akta dan Peraturan-Peraturan ini.

JADUAL PERTAMA

[Peraturan 3]

ORANG KENA CUKAI, PERKHIDMATAN BERCUKAI DAN JUMLAH NILAI PERKHIDMATAN BERCUKAI

1. Orang kena cukai yang dinyatakan dalam ruang (1) dalam Kumpulan A, B, C, D, E, F, G dan I Jadual ini yang memberikan mana-mana perkhidmatan bercukai yang dinyatakan dalam ruang (2) dalam setiap Kumpulan dan melebihi jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang dinyatakan dalam ruang (3) hendaklah mengemukakan suatu permohonan bagi pendaftaran di bawah seksyen 13 Akta.

2. Orang kena cukai yang dinyatakan dalam ruang (1) dalam mana-mana Kumpulan hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan ke atas mana-mana perkhidmatan bercukai yang dinyatakan dalam ruang (2) dalam Kumpulan tersebut yang diberikan olehnya.

3. Jika suatu syarikat dalam suatu kumpulan syarikat memberikan mana-mana perkhidmatan bercukai yang dinyatakan dalam butiran *(a)*, *(b)*, *(c)*, *(d)*, *(e)*, *(f)*, *(g)*,

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(h) atau *(i)* dalam ruang (2) dalam Kumpulan G kepada mana-mana syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama, perkhidmatan itu tidaklah menjadi perkhidmatan bercukai.

4. Bagi maksud perenggan 3, dua atau lebih syarikat layak disifatkan sebagai syarikat dalam suatu kumpulan syarikat jika satu syarikat mengawal setiap daripada syarikat-syarikat yang lain.

5. Bagi maksud perenggan 4, suatu syarikat hendaklah dianggap sebagai mengawal suatu syarikat yang lain jika—

(a) syarikat pertama yang disebut memegang—

(i) secara langsung;

(ii) secara tidak langsung melalui subsidiari; atau

(iii) bersama secara langsung atau tidak langsung melalui subsidiari,

lebih daripada lima puluh peratus modal berbayar yang dikeluarkan oleh syarikat kedua yang disebut; atau

(b) syarikat pertama yang disebut memegang—

(i) secara langsung;

(ii) secara tidak langsung melalui subsidiari; atau

(iii) bersama secara langsung atau tidak langsung melalui subsidiari,

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

daripada dua puluh peratus hingga lima puluh peratus modal berbayar yang dikeluarkan oleh syarikat kedua yang disebut dan syarikat pertama yang disebut mempunyai kuasa pelaksanaan untuk melantik atau memecat kesemua atau majoriti pengarah dalam lembaga pengarah dalam syarikat kedua yang disebut.

6. Bagi maksud perenggan 5, saham hendaklah disifatkan sebagai tidak dipegang jika saham itu dipegang—

(a) melalui penama;

(b) dalam suatu sifat fidusiari; atau

(c) menurut peruntukan memegang debentur, persuratan amanah untuk mendapatkan debentur atau aktiviti meminjam wang.

7. Jika suatu syarikat dikawal menurut perenggan 5*(a)* dan *(b)* oleh dua atau lebih syarikat, syarikat itu (syarikat kedua yang disebut) hendaklah dianggap sebagai dikawal oleh syarikat pertama yang disebut yang mempunyai kuasa pelaksanaan untuk melantik atau memecat kesemua atau majoriti pengarah dalam lembaga pengarah dalam syarikat kedua yang disebut.

8. Jika suatu syarikat memberikan mana-mana perkhidmatan bercukai yang disebut dalam perenggan 3 kepada mana-mana orang di luar kumpulan syarikat, perkhidmatan bercukai yang sama yang diberikan kepada mana-mana syarikat di luar atau di dalam kumpulan syarikat itu hendaklah menjadi perkhidmatan bercukai.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

9. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai yang disebut dalam perenggan 8 pada hari orang yang memberikan perkhidmatan bercukai itu dikehendaki untuk berdaftar menurut kuasa seksyen 13 Akta.

KUMPULAN A: PENGINAPAN

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
Mana-mana orang yang mengendalikan premis penginapan termasuklah hotel, rumah tumpangan, rumah penginapan, pangsapuri servis, rumah inapan dan mana-mana establismen lain yang seumpamanya, tidak termasuk premis penginapan— *(a)* yang disediakan oleh— (i) Kerajaan Persekutuan; (ii) mana-mana badan berkanun atau pihak berkuasa tempatan; atau (iii) mana-mana institusi pengajian tinggi swasta yang berdaftar di bawah Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*], sebagai fasiliti kepada mana-mana orang bagi	*(a)* Penyediaan premis penginapan. *(b)* Pemberian mana-mana perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam Kumpulan lain dalam Jadual ini. *(c)* Pemberian perkhidmatan lain di dalam premis penginapan itu. *(d)* Penyediaan atau penjualan produk tembakau dan minuman berakohol dan tidak berakohol.	RM 500,000

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
maksud pendidikan, latihan atau kebajikan; *(b)* yang disediakan oleh seseorang majikan sebagai fasiliti kepada pekerjanya; *(c)* yang disediakan oleh mana-mana badan keagamaan atau kebajikan yang berdaftar dengan Pendafar Pertubuhan Malaysia atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang mengawal selia badan itu, bagi maksud aktiviti keagamaan atau kebajikan dan bukan bagi maksud komersial.		

KUMPULAN B: MAKANAN DAN MINUMAN

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
1. Mana-mana orang yang mengendalikan restoran, bar, snek bar, kantin, kedai kopi atau mana-mana tempat yang menyediakan makanan dan minuman, sama ada dimakan di restoran, bar, snek bar, kantin, kedai kopi atau tempat	*(a)* Penyediaan makanan atau minuman yang tersedia atau terhidang. *(b)* Pemberian mana-mana perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam Kumpulan lain dalam Jadual	RM 1,500,000

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
itu atau dibawa pulang, tidak termasuk— *(a)* kantin yang terletak di dalam suatu institusi pendidikan; *(b)* kantin yang dikendalikan oleh institusi atau badan keagamaan. 2. Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan katering. 3. Mana-mana orang yang mengendalikan medan selera termasuklah mana-mana tempat makan yang diuruskan secara berpusat dengan suatu sistem juruwang bersama dan yang dua atau lebih orang menyediakan makanan atau minuman.	ini. *(c)* Pemberian perkhidmatan lain di dalam establismen itu. *(d)* Penyediaan atau penjualan produk tembakau dan minuman berakohol dan tidak berakohol.	

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

KUMPULAN C: KELAB MALAM, DEWAN TARI-MENARI, KABARET, PUSAT KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN, RUMAH URUT, RUMAH AWAM DAN RUMAH BIR

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
1. Mana-mana orang yang mengendalikan— *(a)* mana-mana kelab malam; *(b)* mana-mana dewan tari-menari; *(c)* mana-mana kabaret; atau *(d)* mana-mana tempat yang dilesenkan di bawah perenggan 35*(a)* atau *(b)* Akta Eksais 1976 [*Akta 176*] dan yang dinyatakan dalam lesen dalam subperaturan 9(1) Peraturan-Peraturan Eksais (Penjualan Liquor Yang Memabukkan) 1977 [*P.U. (A) 156/1977*] sebagai Rumah Awam Kelas Pertama, Kelas Kedua atau Kelas Ketiga atau Rumah Bir Kelas Pertama atau Kelas Kedua. 2. Mana-mana orang yang mengendalikan mana-mana pusat kesihatan atau kesejahteraan, rumah urut atau tempat yang	*(a)* Pemberian semua perkhidmatan dalam establismen itu. *(b)* Pemberian mana-mana perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam Kumpulan lain dalam Jadual ini. *(c)* Penyediaan atau penjualan produk tembakau dan minuman berakohol dan tidak berakohol.	RM 500,000

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
seumpamanya yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan berkenaan atau yang didaftarkan secara sah, tidak termasuk— *(a)* mana-mana kemudahan yang menyediakan akitiviti yang seumpamanya yang didaftarkan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*]; *(b)* mana-mana kemudahan jagaan kesihatan Kerajaan; *(c)* mana-mana fasiliti yang diuruskan oleh mana-mana universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] atau Akta Universiti Teknologi Mara 1976 [*Akta 173*] bagi maksud jagaan kesihatan.		

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

KUMPULAN D: KELAB PERSENDIRIAN

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
Mana-mana orang yang mengendalikan kelab persendirian termasuklah rumah kelab yang kemasukan ke dalamnya dihadkan oleh keahlian, profesion atau kelas.	*(a)* Pemberian semua perkhidmatan di dalam kelab persendirian itu. *(b)* Pemberian mana-mana perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam Kumpulan lain dalam Jadual ini. *(c)* Penyediaan atau penjualan produk tembakau dan minuman berakohol dan tidak berakohol.	RM 500,000

KUMPULAN E: KELAB GOLF DAN LAPANGAN SASAR GOLF

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
Mana-mana orang yang mengendalikan padang golf atau lapangan sasar golf.	*(a)* Penyediaan kelab golf atau lapang sasar golf atau perkhidmatan berhubung dengan golf atau lapang sasar golf. *(b)* Pemberian mana-mana perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam Kumpulan lain dalam	RM 500,000

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
	Jadual ini. *(c)* Pemberian apa-apa perkhidmatan lain di dalam kelab golf atau lapang sasar golf. *(d)* Penyediaan atau penjualan makanan, produk tembakau dan minuman berakohol dan tidak berakohol.	

KUMPULAN F: PERTARUHAN DAN PERJUDIAN

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
Mana-mana orang yang dilesenkan di bawah apa-apa undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pertaruhan, ambil tagan, loteri, mesin perjudian atau permainan mengadu nasib.	*(a)* Perkhidmatan pertaruhan dan perjudian yang melibatkan pertaruhan, ambil tagan, loteri, mesin perjudian atau permainan mengadu nasib. *(b)* Mengendalikan perlawanan yang melibatkan pertaruhan, ambil tagan, loteri, mesin perjudian atau permainan mengadu nasib.	RM 500,000

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
	(c) Mengendalikan atau membenarkan pengendalian permainan kad atau apa-apa permainan lain oleh pengendali kasino.	

KUMPULAN G: PROFESIONAL

Bagi maksud Kumpulan ini, mana-mana orang kena cukai dalam ruang (1) Kumpulan G yang mempunyai jumlah nilai perkhidmatan bercukai, sama ada digabungkan atau tunggal, lebih daripada RM 500,000 bagi mana-mana satu perkhidmatan bercukai atau lebih yang dinyatakan dalam ruang (2) Kumpulan itu adalah bertanggungan untuk berdaftar di bawah seksyen 13 Akta.

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
1. Mana-mana orang yang merupakan seorang peguam bela dan peguam cara yang berdaftar di bawah undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa. 2. Mana-mana orang yang merupakan seorang peguam *syarie* yang berdaftar di bawah undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa. 3. Mana-mana orang yang merupakan seorang	*(a)* Pemberian perkhidmatan perundangan termasuk perkhidmatan yang bersampingan dengan perkhidmatan perundangan itu, dan perkhidmatan perundingan mengenai perkara perundangan, tidak termasuk— (i) pemberian perkhidmatan tersebut berkaitan barang atau tanah yang terletak di luar Malaysia atau jika hal perkara itu berhubung dengan suatu negara di luar Malaysia;	RM 500,000

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
akauntan awam yang berdaftar di bawah undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa. 4. Mana-mana orang yang merupakan seorang juruukur berlesen atau berdaftar, termasuklah penilai, penaksir atau ejen hartanah berdaftar yang dilesenkan atau didaftarkan di bawah undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa. 5. Mana-mana orang yang merupkan seorang jurutera profesional yang berdaftar di bawah undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa. 6. Mana-mana orang yang merupakan seorang arkitek yang berdaftar di bawah undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa. 7. Mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan perundingan, tidak termasuk syarikat yang diluluskan dengan status atau takrif sebagai syarikat	(ii) berhubung dengan perkhidmatan tersebut, pemberian apa-apa perkhidmatan yang menghendaki pembayaran apa-apa fi berkanun kepada Kerajaan Persekutuan, atau mana-mana Kerajaan Negeri atau badan berkanun. *(b)* Pemberian perkhidmatan perundangan mengenai perkara Islam termasuk perkhidmatan yang bersampingan dengan perkhidmatan perundangan itu, dan perkhidmatan perundingan mengenai perkara Islam, tidak termasuk— (i) pemberian perkhidmatan tersebut berkaitan barang atau tanah yang terletak di luar Malaysia atau jika hal perkara itu berhubung dengan suatu negara di luar Malaysia; (ii) berhubung dengan perkhidmatan tersebut, pemberian apa-apa perkhidmatan yang	

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
